

PAN BORNEO

LEBUH RAYA TERPANJANG DAN BEBAS TOL

"Apabila berkunjung ke Semenanjung, kita (rakyat Sarawak) pasti berasa cemburu melihat penduduk di sana dapat memandu dalam keadaan selesa di lebuh raya. Di Sarawak, kita hampir patah pinggang jika memandu dari Kuching ke Miri kerana masa perjalanan terlalu lama, iaitu 19 hingga 20 jam".

RIDHWAN MOHD RASHID

DEMIKIAN gurauan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem, ketika berucap dalam majlis pelancaran lebuh raya Pan Borneo yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, di kawasan rehat dan rawat Simpang Bakun, di Bintulu, pada April 2015.

Tidak dinafikan bahawa sejak lebih 50 tahun lalu, keadaan jalan raya di Sabah dan Sarawak tidak sehebat lebuh raya berserta dengan kemudahan yang disediakan di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia. Keadaan bentuk muka bumi yang mencabar dan jarak dari satu kawasan ke kawasan lain yang agak jauh mungkin menjadi antara faktor yang menyebabkan pembinaan lebuh raya mengambil masa yang agak lama untuk diputuskan dan dilaksanakan.

Begitu pun, penantian rakyat Sarawak ternyata berbaloi, projek pembinaan lebuh raya Pan Borneo yang secara rasmi dimulakan pembinaannya pada 31 Mac 2015, sebaik-baik dilancarkan oleh perdana menteri, disambut gembira oleh pemimpin dan rakyat bumi Kenyalang. Lebih daripada 15 ribu rakyat Sarawak hadir menyaksikan majlis perasmian tersebut. Lebih bersejarah lagi apabila perasmian projek tersebut membuktikan bahawa perdana menteri menunaikan janjinya kepada rakyat Sarawak untuk memberikan lebuh raya Pan Borneo yang merupakan projek kejuruteraan yang terbesar di Sarawak setakat ini.

Banyak pihak meyakini bahawa Sarawak akan mengalami perubahan pembangunan dan ekonomi yang besar melalui pembinaan lebuh raya tersebut yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lapan tahun akan datang, iaitu pada tahun 2023. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan sahaja akan berlaku perubahan pembangunan di kawasan yang terlibat, tetapi yang lebih penting termasuklah kemajuan pembangunan akan membawa peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat Sarawak. Maka tidak mustahil Sarawak menjadi antara negeri termaju di Malaysia!

Lebuh raya Pan Borneo yang menelan

kos sebanyak RM15 bilion dibina dalam tiga fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Nyabau-Bakun sejauh 43 kilometer. Pembinaannya bermula pada Mac 2015 dan dijangka siap pada akhir tahun 2017. Sementara itu, fasa kedua, iaitu Tanjung Datu-Sematan-Miri, melibatkan perjalanan sejauh 780 kilometer, termasuk jalan baharu Tanjung Datu-Sematan, sejauh 40 kilometer. Pembinaannya dijangka bermula pada pertengahan tahun 2016 hingga pertengahan tahun 2023. Fasa ketiga, Tedungan Merapok-Sindumin dan Limbang-Lawas, mengambil jarak 96 kilometer. Pembinaan fasa ketiga dijangka bermula pada pertengahan tahun 2018 hingga pertengahan tahun 2023.

Perdana menteri memberikan jaminan bahawa hanya projek lebuh raya Pan Borneo yang mampu menjadi mangkin pembangunan secara menyeluruh di Sarawak. Tambah beliau, banyak projek lain turut dirancang kerajaan Barisan Nasional (BN) di Sarawak, termasuk pembinaan institusi pengajian tinggi, namun projek yang ada belum dapat membawa perubahan untuk dinikmati semua rakyat negeri tersebut.

Pembinaan lebuh raya terbukti berjaya membawa perubahan yang ketara di seluruh dunia, termasuk Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di Semenanjung yang menyaksikan pembangunan di kebanyakan negeri yang terlibat. Oleh itu, perdana menteri yakin bahawa Sarawak juga akan mengalami

pembangunan yang pesat dengan pembinaan lebuh raya Pan Borneo.

Lebuh raya Pan Borneo sepanjang 2239 kilometer dari Sabah ke Sarawak turut membolehkan kerja menaik taraf laluan satu lorong kepada dua lorong yang meliputi jarak 1089 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM18 bilion. Jajaran Telok Melano ke Sematan sepanjang 32.7 kilometer yang dilancarkan pada Jun lalu dibina dengan kos sebanyak RM700 juta dan dijadualkan siap dalam tempoh 39 bulan, iaitu menjelang Disember 2018. Apabila siap kelak, lebuh raya tersebut akan memberikan akses yang lebih baik kepada penduduk di dua buah kampung terakhir di penghujung Borneo, iaitu Kampung Telok Melano dan Telok Serabang, yang selama ini menjadikan laut sebagai jalan perhubungan utama untuk ke daerah tersebut.

Lebih mengembirakan rakyat Sarawak, lebuh raya tersebut dapat memendekkan perjalanan dari Tanjung Datu ke Lawas kepada

hanya 12 jam berbanding dengan 19 jam sebelum ini. Lebuh raya tersebut juga tidak mengenakan sebarang bayaran tol kerana tiada jalan alternatif yang boleh dilalui berbanding dengan lebuh raya di Semenanjung yang mempunyai jalan lama atau jalan negeri yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pada Januari lalu, perdana menteri sekali lagi memberikan jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengenakan sebarang tol di lebuh raya Pan Borneo. Jaminan yang dibuat di Bintulu akan kekal, iaitu lebuh raya tersebut tidak akan mengenakan tol. Dalam hal ini, rakyat Sabah dan Sarawak perlu memahami bahawa bagi membolehkan tol diperkenalkan, perlu ada jalan utama di kawasan yang terlibat dan jika ada jalan alternatif, maka tol akan dikenakan. Hal ini ternyata berbeza apabila di laluan yang terlibat, tidak ada sebarang jalan utama yang lain selain lebuh raya Pan Borneo yang sedang dalam pembinaan.

Lebuh raya tersebut bukan jalan alternatif, tetapi satu-satunya jalan utama yang menghubungkan seluruh negeri Sarawak. Oleh itu, kerajaan akan berpegang teguh pada janji bahawa lebuh raya Pan Borneo bebas tol.

Sementara itu, Tan Sri Adenan yakin bahawa pembinaan lebuh raya sejauh 1076 kilometer dari Tanjung Datu hingga Miri akan merancakkan kegiatan ekonomi penduduk yang mendiami laluan berkenaan, termasuk memajukan lagi kawasan perindustrian di Koridor Tenaga Diperbaharu Sarawak (SCORE) di utara Sarawak.

"Saya bagi pihak penduduk Sarawak ingin mengucapkan terima kasih kepada perdana menteri dan kerajaan persekutuan kerana menghadihkan lebuh raya ini," katanya.

Pembinaan lebuh raya Pan Borneo ternyata memenuhi impian 50 tahun rakyat Sarawak untuk menikmati kemudahan jalan raya yang luas dan selesa. Pelaksanaan projek tersebut sekali gus membuktikan bahawa perdana menteri menepati manifesto atau aku janji BN yang dilafazkan dalam satu perhimpunan pada 6 April 2013, iaitu semasa Pilihan Raya Umum ke-13. Pada ketika itu, perdana menteri berjanji untuk memberikan pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dan transformasi luar bandar di Sarawak.

